

# Nota Ulangkaji



## Munshi Cilik

**Kata ganda penuh** ialah proses menggandakan keseluruhan kata dasar dan diletakkan tanda sempang (-).



## Munshi Cilik

**Kata ganda separa** ialah kata yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.

**Kata ganda separa tunggal:** pepondok

**Kata ganda separa berimbuhan awalan:** bantu-membantu

**Kata ganda separa berimbuhan akhiran:** barang-barangan

**Kata ganda separa berimbuhan apitan:** kemerah-merahan



## Munshi Cilik

**Kata ganda berentak** ialah kata yang menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu.

Kata ganda berentak dibahagikan kepada tiga, iaitu kata ganda berentak pengulangan vokal, kata ganda berentak pengulangan konsonan dan kata ganda berentak bebas.